

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 07 OKTOBER 2014

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
Bahagian A : 30 Soalan Objektif
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
Bahagian A : Semua Soalan
Bahagian B : 7 Soalan sahaja
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

SEMOGA BERJAYA

BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu (1) markah. Pilih satu jawapan yang tepat bagi setiap soalan.

1. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) memfokus kepada tiga perkara utama:
 - a. Orang Ramai, Piawai dan Kewangan
 - b. Orang Ramai, Piawai dan Sikap/Etika
 - c. Orang Ramai, Perkhidmatan dan Kewangan
 - d. Orang Ramai, Piawai dan Keberkesanan

2. Seorang pegawai yang baru dilantik ke satu jawatan dalam bahagian 3 pada kelazimannya dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan beberapa tahun kecuali dipersyaratkan sebaliknya.
 - a. Enam (6) bulan
 - b. Dua (2) tahun
 - c. Tiga (3) tahun
 - d. Satu (1) tahun

3. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggag 83), ada tiga kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedahnya adalah pengiklanan menurut Bab 7 (a). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan di bawah bab ini?
 - a. Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai / kaitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
 - b. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di dalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu
 - c. Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
 - d. Pengiklanan dibukakan kepada kakitangan yang berkhidmat di sektor swasta

4. Seorang pegawai yang baru dilantik dalam Bahagian II dalam tanggagaji B2EB3 dengan gaji \$2810 telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 13 Ogos 2014. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya bagi tahun 2015?
 - a. 1 September 2015
 - b. 13 Ogos 2015
 - c. 1 Ogos 2015
 - d. Tidak ada kenaikan gaji

5. Berapakah kadar maksimum baki cuti tahunan yang terkumpul pada bila-bila masa?
 - a. 105 hari
 - b. 108 hari
 - c. 138 hari
 - d. Tiga tahun kelayakan mengikut bahagian masing-masing

6. Apakah gred Penilaian Prestasi jika seorang pegawai itu mendapat penilaian 29% dan berapa peratus kadar bonus yang akan diterimanya?
 - a. Memerlukan Pembaikan dan 50%
 - b. Memuaskan dan 75%
 - c. Baik dan 100%
 - d. Tidak Memuaskan dan 0%

7. Tatacara persuratan di antara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang bukan dalam Kementeriannya
 - a. Bersurat (letterhead)
 - b. Memorandum
 - c. Minit
 - d. Bersurat dan memorandum

8. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali seperti berikut:
- Gantt Chart
 - Tulang Ikan
 - Analisa Pareto
 - Balanced Score Card
9. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian V jika merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggaj 83)?
- Setiausaha Tetap
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Ketua Jabatan
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
10. Bagi pegawai yang menggunakan bantuan kemudahan kewangan Kerajaan untuk memiliki perumahan dan pada yang sama mendiami perumahan Kerajaan, pegawai tersebut dikehendaki mengosongkan perumahan Kerajaan tersebut. Kegagalan mengosongkan akan diambil tindakan seperti berikut:
- Boleh diambil tindakan tatatertib
 - Dikenakan bayaran pada kadar sewa rumah/pangsa yang sebenarnya yang ditanggung Kerajaan
 - Diarahkan mengosongkan dengan dipotong bekalan air dan api letrik
 - Dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan atas sebab melanggar peraturan
11. Lantikan memangku hanya dibenarkan pada peringkat talian tertentu menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008?
- 1 talian sahaja
 - 2 talian sahaja
 - Dalam keadaan tertentu dibenarkan 3 talian
 - Beberapa talian jika terdapat beberapa kekosongan

12. Ciri-ciri utama penilaian dan pemilihan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) adalah seperti berikut:
- Personaliti, dedikasi, keboleharapan dan disiplin
 - Personaliti, dedikasi, keboleharapan akauntabiliti dan ketaatan bekerja
 - Personaliti, komitmen, keboleharapan, akauntabiliti dan disiplin
 - Personaliti, dedikasi, pengetahuan jawatan, akauntabiliti dan kelakuan
13. Pekerja ini ikhlas, kemas serta adil dan berniat baik dalam setiap perbuatan, keputusan dan tindakannya. Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam yang dimaksudkan adalah:
- Bersih, jujur, dan amanah amalan mulia
 - Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji
 - Cekap, cepat dan tepat tuntutan kerja
 - Qudwah dan qiyadah teladan kepimpinan
14. Program latihan di luar negeri yang tempohnya tidak lebih 30 hari diistilahkan sebagai
- Latihan jangka panjang
 - Latihan jangka sederhana
 - Latihan jangka pendek
 - Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh
15. Berapa kadar Cuti Sakit yang dikeluarkan oleh klinik persendirian bagi tempoh satu tahun?
- Tidak melebihi 10 hari
 - Tidak melebihi 14 hari
 - Tidak melebihi 15 hari
 - Tidak terhad

16. Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatannya dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan itu boleh dijatuhkan hukuman penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan:
- Denda tidak lebih daripada \$50,000
 - Denda tidak lebih daripada \$15,000
 - Denda tidak lebih daripada \$20,000
 - Denda tidak lebih daripada \$10,000
17. Berapakah kadar gaji sehari yang diberikan kepada kakitangan bergaji hari bagi yang berkelulusan PhD?
- \$140.60
 - \$127.70
 - \$90.45
 - \$111.30
18. Cuti Lebih Masa adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa (overtime). Siapakah pegawai dan kakitangan yang tidak berkelayakan diberikan Cuti Lebih Masa?
- Bahagian I dan II
 - Bahagian II, III & IV
 - Bahagian III, IV dan V
 - Bahagian I, III dan IV
19. Di antara peraturan dan syarat Pelanjutan Mata Gaji (EB khas) bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan yang betul seperti berikut:
- Telah menerima gaji maksimum selama lebih tiga tahun
 - Prestasi sekurang-kurangnya sangat baik 2 tahun berturut-turut
 - Kenaikan EB Khas pegawai Bahagian I, II dan III pada tarikh ulang tahun tarikh lantikan atau kenaikan pangkat
 - Kenaikan EB Khas pegawai bahagian IV dan V pada tarikh ulang tahun kenaikan gaji tahunan terakhir

Pilih salah satu kombinasi peraturan dan syarat yang betul itu.

- a. i dan ii
- b. i, ii dan iii
- c. i, ii, iii dan iv
- d. iii dan iv

20. Berapakah kadar pembayaran gaji bagi perempuan yang berkahwin mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 80 hari?

- a. Gaji penuh
- b. Separuh gaji
- c. Tidak bergaji
- d. Saguhati

21. Seorang pegawai boleh dipertimbangkan menerima elaun pakaian untuk negeri-negeri sejuk yang menjalankan tugas-tugas rasmi di negara-negara berhawa sejuk. Elaun ini dibayar seperti berikut:

- a. Tiap-tiap 3 tahun sekali dengan kadar \$1500
- b. Tiap-tiap 3 tahun sekali dengan kadar \$500
- c. Tiap-tiap 4 tahun sekali dengan kadar \$1500
- d. Tiap-tiap 4 tahun sekali dengan kadar \$500

22. Pegawai dalam perkhidmatan berikut tidak boleh dilantik memangku

- a. Bergaji hari
- b. Open Vote
- c. Kontrak luar negeri
- d. Ketiga-tiga perkhidmatan a, b dan c

23. Peserta akan menerima pembayaran simpanan Persaraan Caruman Tambahan (SCP) apabila mencapai umur 60 tahun secara bulanan untuk beberapa tahun. Berapa jangka masa pembayaran manfaat dari peserta yang dimaksudkan itu?
- 20 tahun
 - 15 tahun
 - 10 tahun
 - Seumur hidup
24. Berikut adalah senarai jawatan-jawatan yang dibenarkan untuk dibayar Elaun Memangku semasa ketiadaan mereka bagi tempoh satu (1) hari atau lebih menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008, perenggan 1.1. Jawatan manakah yang termasuk dari perenggan berkenaan dan dibayar Elaun Memangku?
- Pengarah Perkhidmatan Personel, Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Ketua Pengarah Kerja Raya
 - Peguam Negara
25. Berapakah tempoh seseorang pegawai yang baru dilantik dibenarkan memangku jawatan tertentu?
- Setelah ditetapkan dalam jawatan
 - Setelah satu tahun perkhidmatan
 - Setelah 6 bulan perkhidmatan
 - Tiada had tempoh perkhidmatan
26. Apakah yang dimaksudkan dengan singkatan RLST dalam Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)?
- Rancang; Laksana; Semak; Tindakan
 - Rancang; Laksana; Semak; Tempoh
 - Rebiu; Lancar; Sembahkan; Tindakan
 - Rebiu; Lancar; Semak; Tindakan

27. Salah satu syarat kelayakan untuk mendapatkan Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan Dalam Negeri adalah seseorang pegawai hendaklah mempunyai Penilaian Prestasi secara kebelakangan.
- Sekurang-kurangnya baik 3 tahun
 - Sejurang-kurangnya sangat baik 2 tahun
 - Sekurang-kurangnya sangat baik 3 tahun
 - Sekurang-kurangnya cemerlang 2 tahun
28. Siapakah yang boleh memberi kebenaran Cuti Tanpa Catat?
- Ketua Jabatan
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Jurukira Agung
 - Juruaudit Agung
29. Apakah definisi Pegawai Penilai dalam system Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam
- Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta meniali prestasi pegawai dan kakitangan yang di dalam bidanguasa arahnya secara langsung
 - Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian / Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai dan kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya
 - Pegawai dan kakitangan yang terkandung di bawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
 - Ketua Jabatan
30. Pegawai yang membuat permohonan menamatkan perkhidmatan terus sahaja berhenti atau meninggalkan pekerjaan tanpa mendapatkan kebenaran menamatkan perkhidmatan akan dikenakan tindakan tatatertib yang memungkinkan pegawai berkenaan
- Diberikan amaran keras
 - Dibuang kerja
 - Membayar satu bulan gaji
 - Disenarai hitamkan

BAHAGIAN B – SOALAN ESEI PENDEK

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Kaedah Iklan 38(a)
2. Kelakuan Dalam Masa Bercuti dalam Bab 19 Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 (Kelakuan dan Tatatertib)
3. Manual Prosedur Kerja (MPK)
4. Definasi Surcharge
5. Waktu-Waktu Bekerja dalam Bab 4 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan [Kelakuan dan Tatatertib] Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
6. Nyatakan 5 sahaja insentif lain yang dikaitkan dengan penilaian prestasi
7. Berikan 5 sahaja faedah-faedah perkhidmatan-perkhidmatan yang terlucut jika sekiranya pegawai dibuang kerja
8. Majlis-majlis rasmi Kerajaan yang mesti dihadiri menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/1999
9. Kategori-kategori jawatan yang boleh dipangku jika ketiadaan pemegangnya dalam 1 hari
10. Nyatakan proses-proses dalam pelaksanaan TPOR

BAHAGIAN C – SOALAN ESEI PANJANG

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua (2) soalan sahaja daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah.

Soalan 1

- i. Awang Aaron Aziz, seorang pegawai Kerajaan berumur 35 tahun, memohon untuk mengikuti kursus Ijazah Kedoktoran (phD) dalam jurusan 'Kejuruteraan Mekanikal' bagi tempoh 4 tahun, di salah sebuah Universiti di United Kingdom.

Awda, sebagai pegawai yang mengendalikan urusan latihan di jabatan awda perlu mempertimbangkan permohonan pegawai berkenaan sebelum dihadapkan kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Selain dari syarat mesti terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, sila nyatakan sekurang-kurangnya 4 kelayakan yang perlu ada bagi pegawai berkenaan.

(8 markah)

- ii. Jika pegawai diatas setelah mengikuti kursus Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut adalah dikehendaki mematuhi peraturan-peraturan, kelakuan dan tata tertib pegawai dan kakitangan Kerajaan dan tidak terlibat dalam penyelewengan atau kelakuan yang menyalahi undang-undang Negara. Sila nyatakan sebab-sebab tertentu yang mengakibatkan biasiswa seorang pegawai ditamatkan dan termasuk juga dikehendaki membayar balik segala perbelanjaan yang diberikan sepanjang tempoh ianya menjalani kursus tersebut.

(5.5 markah)

- iii. Sila berikan tempoh ikat janji (bond) bagi tempoh mengikuti kursus seperti berikut:

(4 markah)

- i. Kursus Sarjana Muda selama 3 tahun
ii. Kursus Lulusan Ijazah selama 1 tahun

Soalan 2

- i. Sebutkan 4 sahaja keadaan di mana pegawai dan kakitangan tidak akan mendapat kelayakan cuti tahunan selain daripada cuti tidak bergaji. (4 markah)
- ii. Huraikan 3 keadaan permohonan cuti tidak bergaji dapat dipertimbangkan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil: 4/1998. (6 ½ markah)
- iii. Terangkan tatacara mendapatkan kebenaran bagi permohonan cuti tidak bergaji. (3 markah)
- iv. Apakah peraturan-peraturan yang dikenakan sebelum seorang pegawai diberikan cuti beranak? (2 markah)
- v. Berapakah kadar cuti beranak dan bilakah ianya sepatutnya bermula? (2 markah)

Soalan 3

- i. Apakah dasar-dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib? (5 markah)
- ii. Jabatan awda telah menerima memorandum daripada Biro Mencegah Rasuah dan memorandum berkenaan diterima dan dicop bertarikh 9 September 2013 yang memaklumkan bahawa Awang Mahmud bin Said salah seorang daripada pegawai awda dalam bahagian III telah disyaki menerima wang rasuah daripada kontraktor dan kesnya masih dalam penyiasatan untuk dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan rasuah.

Sebagai pegawai yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal tatatertib Jabatan awda, sila berikan tindakan segera yang awda perlu ambil menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 terhadap pegawai berkenaan. (4 markah)
- iii. Setelah beberapa ketika, Awang Mahmud bin Said dihadapkan ke mahkamah dan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara 2 tahun mulai 6 Januari 2014 setelah didapati bersalah kerana rasuah. Sila berikan tindakan segera seterusnya yang awda perlu ambil menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 terhadap pegawai berkenaan. (4 markah)
- iv. Seorang pegawai telah digantung daripada menjalankan tugas dan kewajipan berhasrat untuk keluar negeri. Adakah boleh pegawai berkenaan keluar negeri dan siapakah yang berkuasa memberi kebenaran bagi pegawai yang digantung tersebut keluar negeri? (2 ½ markah).
- v. Apakah tindakan jika pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada ketua jabatan? (2 markah)